

18 OCT 1999

MAHATHIR-KETIBAAN

MAHATHIR TIBA DI S'PURA HADIRI SIDANG KEMUNCAK EKONOMI ASIA TIMUR

Oleh: Mohamed Kamel Othman

SINGAPURA, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur Kelapan, Forum Ekonomi Dunia di Pusat Konvensyen dan Pameran.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucaptama bertajuk "Asia Ke arah Pemulihan: Cabaran Pragmatisme" pada pembukaan sidang kemuncak ekonomi selama tiga hari itu.

Selepas menyampaikan ucapannya, perdana menteri dijadual mengadakan sidang media sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Sidang kemuncak itu akan mengumpulkan kira-kira 800 ahli perniagaan penting dari negara-negara anggota Forum Ekonomi Dunia, ketua-ketua negara dan menteri kanan rantau ini selain para pemimpin pertubuhan antarabangsa dan pakar-pakar dari luar negeri.

Tema sidang kemuncak itu "Asia Baru, Era Baru: Bersama Mewujudkan Peluang," memberi penekanan kepada tugas berat yang dipikul oleh Asia Timur bagi memastikan pemulihan dan kestabilan pertumbuhan ekonomi.

Pemimpin Malaysia yang turut menghadiri sidang kemuncak itu termasuk Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Pengerusi dan Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Tan Sri Nordin Sopiee. -- BERNAMA

MKO JR